

## **Golongan belia merupakan kalangan yang mudah dibentuk mengikut pelbagai acuan dan penerapan**

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**

**zahidhamidi.com**

**Januari 27, 2017**

Ia sebagai golongan produktif, idealistik dan bakal pemilik masa hadapan masyarakat. Setiap projek pembangunan dan perindustrian yang dilakukan oleh kerajaan perlu selaras dengan keperluan belia dalam pelbagai aspek dan segala pandangan yang dikemukakan diambil berat oleh pihak kerajaan. Saya sangat berbesar hati menjadi tetamu bagi penutupan persidangan Kuala Lumpur International Youth Discourse 2016 yang bertemakan “Memperkasa Belia Untuk Kesejahteraan dan Masa Hadapan Lebih Baik”, yang mengetengahkan isu-isu yang berkaitan keselamatan negara dan ancaman dirantau ini.

Minda belia hari ini banyak dikaburi dengan propaganda dari barat serta radikalisme iaitu aliran yang menginginkan perubahan atau pembaharuan sosial dan politik dengan cara kekerasan atau drastik. Kupasan dialog di antara para belia dan pembuat dasar merupakan objektif utama persidangan KLIYD2016 ini di mana pakar-pakar daripada negara lain juga dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam menangani isu-isu keselamatan secara praktikal.

Bagi saya perbincangan yang menyeluruh, azam, kesungguhan dan pengorbanan belia sebagai mutiara yang berharga yang diketengahkan tidak dapat dimiliki manfaatnya jika ia tidak susuli dengan pemerhatian teliti dan ketajaman pemikiran yang tinggi. Usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk pengislahan ekstremisme, radikalisme dan keganasan melibatkan pendekatan yang saling berkait iaitu pendidikan, undang-undang dan ekonomi sosial perlu digarap dan direalisasikan.

Saya melihat perkembangan diperingkat global dan tinjauan pembangunan di mana ianya membentuk perspektif sepanjang hayat belia, kepercayaan belia dan hati nurani belia, maka soal ekstremisme yang menular menerusi pelbagai cara termasuklah dimedia sosial mana-mana negara perlu diberi perhatian dan dibendung. Sesungguhnya, tanggungjawab besar belia pada hari ini adalah untuk menjana pembangunan bangsa, negara dan agama selaras dengan adab dan akhlak para belia yang mantap dan cemerlang.

Kementerian Dalam Negeri, amat menggalakkan penglibatan para belia diperingkat sukarelawan. Malaysia amat memerlukan lebih ramai sukarelawan dengan melibatkan diri mereka dengan program-program yang berkaitan dan menyumbangkan diri kepada usaha pembangunan negara. Sebagai contoh, para belia boleh mendaftar untuk kegiatan kesukarelawanan dengan menyertai 1M4U dan RELA. Saya menyeru segala aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dan terbabit dalam gejala terorisme dan pengaruh radikalisme diperingkat global perlulah dibendung kerana ia menghancurkan kehidupan belia itu sendiri. Belia tidak seharusnya terpengaruh dengan agenda licik pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu 'mempergunakan' belia dinegara ini untuk menjayakan agenda jahat mereka. Sesungguhnya, besarlah kejayaan buat mereka jika ada di kalangan belia yang 'berjaya diperalatkan' bagi menjatuhkan masyarakat Malaysia serta mengkacau bilaukan keadaan negara. Jesteru itu, pendidikan dan bimbingan yang sempurna serta mencontohi keperibadian unggul peribadi Rasulullah SAW, belia negara merupakan penyelamat kepada kemakmuran negara dimasa akan datang.

©2017 Copyright Reserved zahidhamidi.com, Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/golongan-belia-merupakan-kalangan-yang-mudah-dibentuk-mengikut-pelbagai-acuan-dan-penerapan/>